

TARIKH	29 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Setempat

Simpan wang saat akhir di Kelana Jaya

PETALING JAYA: Jemaah haji bukan saja dapat melakukan proses penukaran mata wang tempatan kepada riyal, tetapi mereka juga boleh melakukan transaksi simpanan wang pada saat akhir sebelum berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarah Operasi Haji Tanah Air Stesen Kelana Jaya,

Mohd Rafidi Ibrahim berkata, kemudahan disediakan itu bagi membolehkan jemaah menyimpan wang ke akaun Tabung Haji mereka sebelum berlepas ke Tanah Suci.

"Dengan berbuat demikian, mereka dapat mengurangkan risiko membawa wang tunai terlalu banyak ketika dalam perjalanan sekali gus mengelak kehilan-

gan atau keciciran wang ketika beribadat.

"Pihak kami sentiasa prihatin keperluan dan kebajikan jemaah dan ini cara menjamin keselamatan dan keselesaan mereka," katanya.

Katanya, risiko kadar tukaran asing tidak sekata membabitkan pengurup wang tidak berlesen juga dapat dielakkan.